

24/04/2001

Semua pihak perlu pastikan RM-8 capai matlamat

DI Parlimen semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang menggariskan hala tuju baru negara, merangkumi pelbagai aspek kegiatan sosial dan ekonomi dengan matlamat utama memperbaiki taraf hidup semua lapisan rakyat. Ia juga meletakkan asas yang lebih mantap untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus berdaya tahan dan mampu bersaing dalam apa juga cabaran global. Rancangan lima tahun (2001-2005) itu boleh dianggap nadi kepada perancangan kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara yang progresif. Ini berasaskan kepada penegasan RM-8 yang dirumus sejajar dengan matlamat menjadikan ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai teras kepada pembangunan negara yang diadun bersama peningkatan sektor utama yang lain.

Dalam usaha membangunkan ekonomi yang berasaskan pengetahuan, kerajaan akan memperkukuhkan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta sains dan teknologi, menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan memastikan wujudnya kemudahan pembiayaan yang bersesuaian. Langkah ini adalah untuk memastikan bahawa kemajuan negara turut dinikmati semua rakyat. Tidak ada gunanya jika negara maju dalam bidang ICT, tetapi hanya segelintir rakyat yang mendapat faedah. Berasaskan kepada sembilan strategi yang digariskan, jelas menunjukkan RM-8 mampu menukar senario ekonomi negara ke satu tahap yang lebih baik sebelum rancangan seterusnya dirangka.

Adalah diyakini, jika matlamat RM-8 menepati sasarannya, laluan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9) dan berikutnya akan lebih mudah bagi meletakkan Malaysia sebuah negara maju pada 2020. Disebabkan ia turut menekankan aspek pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, RM-8 tidak meminggirkan mana-mana kumpulan atau sektor, sama ada pertanian, perkhidmatan atau pembuatan. Diharapkan teras strategi pembasmian kemiskinan untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5 peratus menjelang 2005, akan dapat dicapai. Dalam usaha memacu daya saing negara pula, penekanan khusus diberikan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan menerusi pembangunan sumber manusia di samping meningkatkan kecekapan dalam penggunaan modal, melaksanakan pelaburan berkualiti dan produktif serta meningkatkan produktiviti buruh dan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (TFP).

RM-8 begitu penting kepada rakyat dan negara. Oleh itu, semua pihak bukan saja perlu memahami matlamatnya, malah turut mengambil bahagian bagi menentukan wawasan negara menjadi realiti. Kejayaan RM-8 bukan semata-mata ditentukan oleh jumlah wang yang diperuntukkan sepanjang lima tahun berjumlah RM110 bilion, tetapi sikap rakyat. Atas dasar itu, penekanan RM-8 turut tertumpu kepada usaha menyemai nilai-nilai murni di kalangan rakyat dan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan saksama. Sekiranya semua rakyat bersatu hati untuk menjayakan wawasan kerajaan, lurah yang curam dapat dituruni manakala gunung yang tinggi akan dapat didaki bersama.

(END)